JAWATAN	:	**PEREKA**
GRED JAWATAN	:	**B5**
SKIM PERKHIDMATAN	:	**PEREKA**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	**BAKAT DAN SENI**
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	**PELAKSANA**
TARAF JAWATAN	:	**TETAP**
LOKASI	:	**JOHOR BAHRU**
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	**RM1,650.00 – RM6,620.00 PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024**
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	**RM145.00**
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	:	**RM160.00 SEBULAN**
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	:	**RM300.00 SEBULAN**
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	:	**RM350.00 SEBULAN**

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B5

(b) (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

(iv) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,731.00); atau

(v) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,812.00); atau

(vi) Diploma dalam bidang Seni Kreatif, Seni Bina Dalaman, Seni Lukis atau Seni Reka yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(a)(ii), 1(a)(iii), 1(a)(iv), 1(a)(v), 1(b)(ii), 1(b)(iii), 1(b)(iv), 1(b)(v), 1(b)(vi) dan 1(c)(ii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.

DESKRIPSI TUGAS:

1. Pembangunan Dan Pemantauan Kursus Massive Open Online Course (Mooc), Micro-Credential, Virtual Lab, Program Odl
    - Membangunkan Bahan Pembelajaran Kendiri (Sim) Bagi Kursus Mooc, Micro-Credential, Program Odl Serta Kandungan Virtual Lab Di Platform Pengurusan Instruksional Atau Sistem Pengurusan Pembelajaran (Lms) (Contoh: Moodle, Utm E-Learning, Openlearning) Yang Merangkumi Avatar, Kandungan Kursus, Nota/Bahan Rujukan Kursus, Aktiviti Pembelajaran, Pentaksiran, Sarikata, Avatar, Model 3-Dimensi Dan Lain-Lain Berdasarkan Perbincangan Dengan Pembangun Kursus.
    - Membangunkan, Menguruskan Dan Memantau Platform Sistem Pengurusan Pembelajaran Yang Menempatkan Bahan Pembelajaran Kendiri Bagi Kursus-Kursus Mooc, Micro-Credential, Program Odl Serta Kandungan Virtual Lab
    - Membantu Pengurus Berurusan Dengan Pihak Berkepentingan (Pensyarah, Agensi Kerajaan, Industri Dll.) Bagi Penyediaan, Penawaran Dan Pemantauan Platform Kursus
    - Mooc, Micro-Credential, Virtual Lab, Program Odl.
    - Membantu Pengurus Dan Pereka Instruksi Mengendalikan Bengkel Pembangunan Kursus Mooc, Micro-Credential Dan Virtual Lab Dengan Fokus Kepada Penyediaan Aktiviti Pembelajaran, Pentaksiran Dan Platform Kursus
2. Pembangunan Bahan E-Pembelajaran Untuk Menyokong Pengajaran Pensyarah (Selain Mooc, Micro-Credential, Virtual Lab Dan Odl)
    - Membantu Menyediakan Reka Bentuk, Susun Atur Grafik Bagi Bahan-Bahan Pembelajaran Digital (Multimedia)
    - Menyunting Kandungan Digital Multimedia Sedia Ada Yang Diberikan Para Pensyarah
    - Membantu Mereka Serta Menulis Kandungan Pembelajaran (Sim) Berdasarkan Sistem Pengurusan Instruksional (Utm E-Learning)
3. Menguruskan Dan Mengemaskini Kandungan Laman Web Mooc/Micro-Credential
    - Mengemaskini Kandungan Laman Web Dengan Maklumat Yang Terkini
4. Keperluan Pensyarah Dan Keperluan Pembangunan Serta Penawaran Kursus
    - Membuat Kaji Selidik Serta Memantau Keperluan Terkini Para Pensyarah Dan Pembangun Kursus Dari Segi Pengajaran Dan Pembelajaran Digital
    - Membuat Kaji Selidik Keberkesanan Penawaran Kursus (Mooc, Micro-Credential, Odl Dan Virtual Lab) Bagi Tujuan Penambahbaikan Kualiti Berterusan
5. Promosi Kursus Mooc & Micro-Credential
    - Menyediakan Copywriting Bagi Penyediaan Poster Dan Untuk Tujuan Promosi Kursus Mooc/Micro-Credential Melalui Media Sosial Utm Cdex
    - Menyediakan Rekabentuk Dan Mengemaskini Kandungan E-Katalog Yang

Mengandungi Semua Produk Utm Cdex Yang Terkini Merangkumi Mooc, Micro-Credential, Virtual Lab Dan Program Odl.

6. Menguruskan Data Enrolmen Dan Penjanaan Pendapatan
    - Mengemaskini Data Secara Bulanan Mengikut Format Pelaporan
    - Menyediakan Data Terkini Yang Diperlukan Sekiranya Diminta Pihak Universiti Atau Kementerian
    - Berurusan Dengan Pihak Berkepentingan Dan Menyediakan Dokumentasi Bagi Urusan Pengagihan Keuntungan Penjualan Sijil Mooc Dan Yuran Micro-Credential Kepada Pemegang Taruh
7. Sistem Quality Assurance Mooc & Micro-Credential Termasuk Standalone Micro-Credential Quality Verification Centre
    - Mengendalikan Dan Menguruskan Sistem Quality Assurance Untuk Semakan Kualiti Kursus Mooc Serta Micro-Credential Yang Telah Siap Dibangunkan
    - Membantu Menyemak Kualiti Permohonan Verifikasi Standalone Micro-Credential Yang Dihantar Ke Sistem Utm Quality Verification Centre (Qvc)
8. Tugas-tugas Sokongan Lain
    - Membantu dalam pelaksanaan sistem ke persekitaran operasi mengikut prosedur yang ditetapkan.
    - Memastikan pembangunan dan penggunaan sistem mematuhi dasar, prosedur dan piawaian ICT universiti.
    - Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/ dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temuduga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.